

27/10/1997

Program KLD lahirkan remaja berdisiplin

Harris Fadilah Yusof

KUALA LUMPUR: Skim Latihan Belia Kapal Layar Diraja (KLD) Tunas Samudera yang ditubuhkan pada 23 Januari 1990 lalu bertujuan melatih dan memberi peluang kepada generasi muda menghayati dan mencintai warisan maritim melalui menikmati keindahan lautan.

Skim itu adalah ilham Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk melahirkan masyarakat yang berdisiplin, berani dan sekali gus sanggup menghadapi cabaran.

Perdana Menteri yakin dengan menyertai skim latihan itu, belia akan dapat membentuk imej yang ideal dan membangunkan negara di samping mewujudkan kemesraan di antara belia dari pelbagai kaum di negara ini.

Perdana Menteri pada majlis pelancarannya, berkata kerajaan akan terus menambah peruntukan kepada berbagai skim latihan belia bagi melahirkan masyarakat yang berdisiplin, berani dan sanggup menghadapi cabaran.

Objektif utama program latihan itu untuk melatih dan memberi peluang kepada generasi muda menimba ilmu pelayaran dalam berbagai bidang termasuk bidang navigasi, kaji cuaca, ilmu kelautan dan penyelenggaraan kapal.

Sehubungan itu, pada 1988 Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama Kerajaan British membiayai pembinaan kapal layar itu yang dianggarkan bernilai RM18 juta.

Pembabitan belia dalam skim latihan itu boleh mengelakkan daripada terjerumus dengan kegiatan yang tidak berfaedah. Skim latihan itu juga berupaya membentuk sikap generasi muda agar lebih berjaya membangunkan negara.

Program itu membabitkan tiga kementerian iaitu Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Pertahanan menerusi pembabitan Tentera Laut Diraja Malaysia (TUDM).

Lembaga Pengurusan Tabung Amanah KLD Tunas Samudera ditubuhkan sebagai badan pengurusan latihan kapal layar itu di samping pengagihan tempat untuk peserta dari pelbagai agensi kerajaan dan korporat dari segi pengurusan hal ehwal kewangan, penyusunan kurikulum latihan dan promosi.

KLD Tunas Samudera adalah kapal layar yang kedua jenis 'Brigantine' yang dibina di dunia. Pembinaannya bermula pada November 1988 di Brooke Yachts International Limited, Lowestoft, Suffolk, United Kingdom.

Kapal Brigantine itu dilengkapi layar 'force and aft rigged' pada tiang utama dan 'Square Sails' pada tiang hadapan. Badan kapal itu diperbuat daripada besi dengan bilga lengkung (round bilge) yang direka khas untuk semua sudut pelayaran.

Dengan menggunakan layar, kapal berkelajuan 14 knot itu dilengkapi dua jentera berkuasa diesel, mampu memberikan kelajuan sehingga 10 knot. Panjang KLD Tunas Samudera ialah 44 meter dengan ketinggian 32.6 meter pada tiang utama serta 7.8 meter lebar. Kapal itu dikendalikan 13 anak kapal TLDM yang berpengalaman.

KLD Tunas Samudera memberikan peluang penyertaan kepada seberapa ramai generasi muda yang berminat dalam pengembaraan di laut selama 10 hari. Bagaimanapun, peserta terhad kepada mereka yang berumur di antara 17 hingga 26 tahun dan mempunyai tahap kesihatan yang baik.

Beberapa program pelayaran disediakan kepada peringkat umur yang lebih rendah seperti pasukan pengakap, Pandu Puteri tetapi hanya membabitkan pelayaran selama sehari.

(END)